

Processed Foods in al-Sahihain and Its Division According to Fiqh Al-Hadith

Siti Sarah Binti Izham, Khadher Bin Ahmad, Zulkifli Haji Mohd Yusoff

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

ABSTRACT

Food are the most important thing in human life. Its importance is emphasized in Islam. It can be seen in al-Qur'an and Sunnah. In books of hadith, *al-sahihain*, a special chapter discussing about food and beverages can be found. According to M. Quraish Shihab, food is divided into three: *nabati*, *haiwani* and processed. *Nabati* are food from plants, *haiwani* are food from animals while processed foods are foods that processed from the original material. However, many researches and discussions about food in hadith relate only to plants and animals. Which means, research about processed food are less popular. Therefore, this research discusses the true understanding of processed foods and the types discussed in the hadith. This research used library research, while the analysis was done based on the hadith of *al-sahihain* and scientific facts. The findings show that there are seventeen of processed foods in the hadith. This study may provide new disclosures about the food in the processed food that are related in a hadith of the Prophet S.A.W.

Keywords: *food; hadith; processed food; nabati; haiwani*

Makanan Olahan dalam Al-Sahihain dan Pembahagiannya Menurut Fiqh Al-Hadith

ABSTRAK

Makanan memainkan peranan yang sangat besar dalam sesebuah kehidupan. Kepentingan makanan sangat dititik beratkan dalam Islam. Ini dapat dilihat menerusi kalam Allah dan juga hadith Nabi s.a.w. Bahkan jika dilihat dalam hadith Nabi s.a.w. menerusi kitab *al-sahihain* akan didapati bab khas yang membicarakan berkaitan makanan iaitu bab makanan dan minuman. Menurut M. Quraish Shihab, makanan terbahagi kepada tiga iaitu *nabati*, *haiwani* dan olahan. Makanan *nabati* ialah makanan yang bersumberkan tumbuh-tumbuhan, makanan *haiwani* ialah makanan yang bersumberkan haiwan manakala makanan olahan adalah makanan yang melalui proses pengolahan daripada bahan asal. Perbincangan mengenai makanan dalam hadith sering dilakukan dan terhenti pada perbincangan makanan *nabati* dan makanan *haiwani*. Ini menjadikan kategori makanan olahan kurang diketahui dan diperbincangkan. Justeru itu, kajian ini berperanan membincangkan secara tuntas berkaitan permasalahan ini iaitu dari sudut kefahaman sebenar berkaitan makanan olahan dan jenis-jenis yang terdapat dalam hadith. Penyelidikan ini menggunakan metode kajian perpustakaan (*library research*) sepenuhnya. Manakala analisis dilakukan berdasarkan hadith-hadith yang terdapat dalam *al-sahihain* dan juga fakta-fakta sains. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tujuh belas makanan olahan dalam hadith. Kajian ini dapat memberi pendedahan yang baru dalam soal makanan iaitu berkaitan makanan olahan yang terdapat dalam hadith Nabi s.a.w.

Kata Kunci: *makanan; hadith; makanan olahan; nabati; haiwani*

1. Pendahuluan

Makanan merupakan keperluan asasi manusia. Peranannya begitu kuat mempengaruhi kehidupan seseorang. Makanan mampu menjadikan perut yang lapar bertukar menjadi kenyang dan menjadikan tubuh yang lemah menjadi segar dan kuat. Selain itu, makanan yang di makan akan bertukar menjadi

darah daging dan akan diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi. Atas dasar pentingnya makanan dalam sesebuah kehidupan, perbincangan mengenainya di dalam hadith baginda s.a.w. tidak dapat dinafikan. Baginda s.a.w. bukan sahaja membicarakan soal adab dengan makanan bahkan baginda s.a.w. membicarakan mengenai jenis-jenis makanan. Dan makanan yang kurang diperbincangkan adalah makanan olahan. Hakikatnya, makanan olahan ini telah dilakukan sejak zaman baginda s.a.w. lagi. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan berkaitan jenis-jenis makanan dalam hadith Nabi s.a.w. khususnya makanan yang bersifat olahan.

2. Skop dan Metodologi

Skop kajian ini ialah pengkaji akan menggunakan kitab sahih al-Bukhari dan sahih Muslim pada bab *al-ath'imah* (makanan) dan *al-asyribah* (minuman) sahaja. Pemilihan hanya kepada dua kitab ini bertitik tolak daripada status kitab tersebut. Di mana, pengkaji memerlukan hanya hadith-hadith yang sahih sahaja dijadikan panduan supaya hasil kajian adalah datang daripada sumber yang benar, sahih dan tiada pertikaian. Manakala pemilihan hanya kepada bab *al-ath'imah* (makanan) dan *al-asyribah* (minuman) adalah kerana perbincangan berkisar tentang makanan dalam hadith.

Kajian ini mengaplikasikan metode kajian perpustakaan sepenuhnya dalam pengumpulan data. Dalam proses pengkaji menyelesaikan kajian ini, pengkaji hanya akan menggunakan buku-buku yang terdiri daripada bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Selain itu, pengkaji turut sama menggunakan sumber-sumber dari artikel yang sahih. Manakala dalam menganalisis data pengkaji menggunakan analisis induktif dan deduktif. Dari semua hadith-hadith yang terdapat kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim pada bab *al-ath'imah* (makanan) dan *al-asyribah* (minuman), pengkaji akan menganalisis dan mendapatkan hadith-hadith yang berkaitan dengan makanan olahan. Setelah itu pengkaji akan membahaskan hadith-hadith berkenaan.

3. Definisi Makanan dan Pembahagiannya

Makanan berasal dari kata “makan” yang telah di tambah imbuhan –an dibelakangnya. Makan bermaksud memamah serta menelan makanan dan juga mengunyah.¹ Manakala makanan adalah bermaksud apa sahaja yang boleh dimakan seperti roti, nasi dan lain-lain.²

Makanan dalam bahasa arab adalah *ta'am*. Yakni kata mufrad, jama'nya ialah *at-imah*. *Ta'am* ialah nama keseluruhan bagi setiap yang dimakan dan ada yang mengatakan ia dikhususkan bagi gandum. Al-Kafawi berkata, “*ta'am* kadangkala digunakan bagi menyebut minuman. Ini sebagaimana firman Allah:

وَمَنْ لَّمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي

Al-Baqarah (02): 249

Terjemahan: Dan sesiapa yang tidak merasai airnya maka sesungguhnya ia dari pengikutku,

Disebut minuman itu sebagai *ta'am* bertitik tolak dari firman Allah di atas, kerana asal lafaz ini mengisyaratkan, merasakan sesuatu atau setiap apa yang dirasai. Lafaz *ta'am* telah disebutkan sebanyak 24 kali dalam al-Qur'an.³ Manakala dalam hadith fokusnya dalam *sahihain* telah diletakkan bab khas bagi membincangkan berkaitan *ta'am* iaitu bab makanan dan bab minuman.

Menurut M. Quraish Shihab, makanan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, *nabati*. Kedua, *haiwani*. Dan ketiga olahan.⁴ *Nabati* adalah bahagian makanan dari tumbuh-tumbuhan. *Haiwani* pula adalah bahagian makanan dari haiwan. Manakala yang ketiga ialah makanan olahan. Walaubagaimanapun, setelah menjalankan kajian terhadap hadith-hadith Nabi s.a.w. pengkaji mendapati perlunya kepada penambahan terhadap pembahagian makanan iaitu bijirin dan makanan yang tidak termasuk mana-mana kategori. Perbincangannya akan dibincangkan kemudian.

3.1 Pembahagian Makanan dalam al-Sahihain

Berikut merupakan jadual yang menunjukkan pembahagian makanan yang terdapat dalam *al-sahihain*:

¹ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 980 entri “makan”

² *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 981 entri “makanan”

³ Prof. Dato' Dr. Zulkifli Mohd Yusoff *et. Al, Kamus al-Qur'an: Rujukan Lengkap Kosa Kata dalam al-Qur'an* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2009), 342.

⁴ M Quraish Shihab, *Wawasan al-Qur'an: Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat* (Bandung: Penerbit Mizan, 1996), 137.

Jadual 1. Pembahagian makanan dalam sahihain bab makanan dan minuman

Bil.	Perkara	Bahagian	No. Hadith
1.	Buahan	1. <i>Al-Basr</i> (Kurma muda) 2. <i>Al-Tamr</i> (Kurma kering) 3. <i>Al-Ruṭab</i> (Kurma basah) 4. <i>Al-Zahw</i> (Kurma tua) 5. <i>Al-Ajwa</i> (Nama kurma) 6. <i>Al-'Inab</i> (Anggur)	SM: 5131, 5135, 5136, 5313, 5314 SB: 5387, 5588, 5589, 5411, 5441a, 5441b, 5442, 5446 SM: 5131, 5135, 5136, 5139, 5313, 5314, 5328, 5331, 5332, 5333, 5334, 5335, 5336, 5337. SB: 5440, 5443, 5447, 5449 SM: 5133, 5330, 5313, 5314 SB: 5602, 5582 SM: 5137 SB: 5445 SB: 5581, 5588, 5598
2.	Sayuran	1. <i>Dubbā'</i> (Labu) 2. <i>Al-Qiththa</i> (Mentimun) 3. <i>Al-Silq</i> (Ubi bit) 4. <i>Al-Kam'ah</i> (Cendawan gurun) 5. <i>Thaum</i> (Bawang putih) 6. <i>Basal</i> (Bawang merah)	SB: 5379, 5420, 5433, 5435, 5436, 5437, 5439 SM: 5325, 5326, 5327 SB: 5440, 5447, 5449 SM: 5330 SB: 5403 SM: 5342, 5343, 5344, 5345, 5346, 5347, 5348 SB: 5451 SM: 5356, 5357, 5358 SB: 5452
3.	Haiwan	1. Kambing	SB: 5385, 5404, 5408, 5421 SM: 5313, 5314
4.	Bijiran	2. <i>Ḍabb</i> (Biawak gurun) 1. <i>Al-Burri & Hinthah</i> (Gandum) 2. <i>Al-Sya'ir</i> (Barli)	SB: 5389, 5391, 5402 SB: 5381, 5403, 5410, 5413, 5416, 5588, 5589, SB: 5381, 5403, 5436, 5439, 5450, SM: 5325, 5315, 5316. SM: 5216, 5217
5.	Olahan	3. <i>Al-Mizr</i> (Jagung) 1. <i>Al-Naqi /Akrisah/ Khabzun</i> (Roti) 2. <i>Sawīq</i> (Tepung) 3. <i>Hais</i> (Kurma, keju & minyak sapi) 4. <i>Talbīnah</i> (makanan yang dibuat dari gandum atau sisa gandum) 5. <i>Akit</i> (Keju) 6. <i>Samm</i> (Minyak Sapi) 7. <i>Al-Khal</i> (Cuka) 8. <i>Zabīb</i> (Kismis)	SB: 5385, 5386, 5410, 5413, 5414, 5415, 5430, 5438 SM: 5325, 5353, 5355 SB: 5384, 5390, 5454, 5455 SB: bab 16, 5387, 5425 SB: 5417 SB: 5387, 5389, 5402 SB: 5387, 5389 SM: 5350, 5351, 5352, 5353, 5354, 5355 SB: 5588, 5589

			SM: 5116, 5117, 5118, 5119, 5120, 5121, 5122, 5123, 5124, 5125, 5126, 5127, 5128, 5129, 5130, 5131, 5132, 5133, 5134, 5135.
		9. <i>Khatīfah</i> (Barli dan susu)	SB: 5450
		10. <i>Wathbah</i> (Kurma, tepung dan mentega)	SM: 5328
		11. <i>Khazīrah</i> (Makanan yang diperbuat daripada tepung)	SB: 5401
		12. <i>Tharīd</i> (Roti yang direndam dalam kuah berisi daging)	SB: 5418, 5419, 5420, 5428
		13. <i>Nabiz</i> (Rendaman Kurma)	SB: 5591
		14. <i>Khamr</i> (Arak)	SB: 5575, 5576, 5577, 5578, 5590 5610 SM: 5132, 5138, 5218, 5222, 5224, 5225
		15. <i>al-Bit'u</i> (Arak dari madu)	SB: 5585, 5586 SM: 5179, 5180, 5181, 5182, 5183, 5184
		15. <i>al-Bāzaq</i> (Arak dari anggur)	SB: 5598
		16. <i>al-Mizr</i> (Arak dari jagung)	SM: 5182, 5183, 5184, 5185
6.	Tidak termasuk mana-mana kategori	1. Zamzam	SB: 5617
		2. <i>Laban</i> (Susu)	SB: 5402, 5576, 5603, 5604, 5605, 5606, 5607, 5609, 5610, 5618, 5636 SM: 5237, 5238, 5239, 5240, 5241, 5242, 5243
		3. <i>'Asal</i> (Madu)	SB: 5431, 5432, 5585, 5586, 5588, 5589, 5599, 5610, 5614 SM: 5237

Sumber: Analisis dari pengkaji dalam *al-sahihain*.

Jadual di atas merupakan hasil analisis pengkaji daripada 514 buah hadith dalam *al-sahihain* khususnya pada bab makanan dan minuman. Daripada 514 buah hadith tersebut, pengkaji membahagikan kepada enam bahagian. Ini sebagaimana yang telah pengkaji sebutkan pada 1.2. Bahagian pertama ialah buah-buahan. Ianya dibawah kategori *nabati* (tumbuh-tumbuhan). Buah-buahan yang disebutkan adalah *al-basr* (kurma muda), *al-tamr* (kurma kering), *al-ruṭab* (kurma basah), *al-zahw* (kurma tua), *al-ajwa* (nama kurma) dan *al-'inab* (anggur). Bahagian kedua ialah sayur-sayuran. Ianya juga dibawah kategori *nabati* (tumbuh-tumbuhan). Sayur-sayurannya ialah *dubbā'* (labu), *al-qiththa* (mentimun), *al-silq* (ubi bit), *al-kam'ah* (cendawan gurun), *thaum* (bawang putih) dan *basal* (bawang merah). Bahagian ketiga ialah *haiwani*. *Haiwani* ialah makanan daripada haiwan. Yang disebutkan dalam hadith ialah kambing dan *ḍabb* (biawak gurun).

Bahagian keempat ialah bijirin. Makanan daripada bijirin ialah *al-burri* atau *al-hinthah* (gandum), *al-sya'ir* (barli) dan *al-mizr* (jagung). Bahagian kelima ialah makanan olahan. Makanan olahan yang terdapat dalam hadith ialah *al-naqi* atau *akrisoh* atau *khabzun* (roti), *sawīq* (tepung), *hais* (kurma, keju & minyak sapi), *talbīnah*, keju, *samn* (minyak sapi), *al-khal* (cuka), *zabīb* (kismis), *khatīfah* (barli dan susu), *wathbah* (kurma, tepung dan mentega), *khazīrah* (makanan yang diperbuat daripada tepung), *al-tharīd* (roti yang direndam dalam kuah berisi daging), *nabiz* (rendaman kurma), *khamr* (arak), *al-bit'u* (arak dari madu), *al-bāzaq* (arak dari anggur) dan *al-mizr* (arak dari jagung). Dan pembahagian makanan keenam iaitu yang terakhir ialah yang tidak termasuk mana-mana kategori iaitu zamzam, *laban* (susu) dan *'asal* (madu).

3.2 Definisi Makanan Olahan

Makanan olahan merupakan salah satu daripada pembahagian makanan yang dibincangkan dalam hadith. Makanan olahan berasal dari perkataan olah yang membawa maksud mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yang lain (yang dapat digunakan). Manakala apabila ditambah imbuhan -an, perkataan olah menjadi olahan membawa maksud proses dalam mengolah atau diolah.⁵

Makanan olahan disebut sebagai *processed food* dalam bahasa Inggeris yang membawa maksud apa-apa sahaja perubahan yang sengaja dilakukan keatas makanan sebelum dimakan⁶ atau yang telah melalui beberapa nilai tambah⁷ dan juga penyediaan perindustrian yang menyebabkan perubahan ketara kepada keadaan makanan.⁸ Ianya boleh jadi melalui pembekuan atau pengeringan makanan untuk mengekalkan nutrien dan kesegaran.⁹

Selain itu, makanan olahan melibatkan teknik pemprosesan makanan termasuklah pembekuan, pengetinan, pengeringan, pembuatan dan produk posture.¹⁰ Dimana, setiap bahan makanan yang melalui apa sahaja pemprosesan samaada di tambah bahan pengawet ataupun tidak, ianya disebut makanan olahan.

Daripada takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa makanan olahan ialah sesuatu makanan yang apabila mengalami proses pengubah suaian atau melalui proses pencampuran daripada bahan asal sehingga menjadikannya membentuk satu bahan yang lain yang berbeza dari sudut fizikal, rasa mahupun namanya di sebut sebagai makanan olahan.

3.3 Jenis-jenis Makanan Olahan dan Hadith-hadith Mengenainya

Berikut merupakan jadual yang menunjukkan jenis-jenis makanan olahan dan hadith-hadith mengenainya:

Jadual 2. Jenis-jenis makanan olahan serta hadith mengenainya.

Jenis makanan olahan	No. Hadith	Contoh Hadith
1. <i>Al-Naqi</i> /Akriso/ <i>Khabzun</i>	SB: 5385, 5386, 5410, 5413, 5414, 5415, 5430, 5438 SM: 5325, 5353, 5355	حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي مَرْيَمَ، حَدَّثَنَا أَبُو عَسَانَ، قَالَ: حَدَّثَنِي أَبُو حَازِمٍ: أَنَّهُ سَأَلَ سَهْلًا: هَلْ رَأَيْتُمْ فِي زَمَانِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّقِيَّ؟ قَالَ: «لَا» فَقُلْتُ: فَهَلْ كُنْتُمْ تَتَخَلَّوْنَ الشَّعِيرَ؟ قَالَ: «لَا، وَلَكِنْ كُنَّا نَنْفَعُهُ» ¹¹ Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Sa'id bin Abi Maryam, telah menceritakan kepada kami Abu Qassan, telah berkata: telah menceritakan kepada aku Abu Hazim: Sesungguhnya aku bertanya Sahla: "adakah kamu melihat pada zaman Nabi s.a.w. <i>al-Naqi</i> ?" Beliau menjawab: "tidak". Aku berkata: "apakah kamu mengayak <i>syai'ir</i> ?" Dia menjawab, "tidak, tetapi kami meniupnya".
2. <i>Sawiq</i>	SB: 5384, 5390, 5454, 5455	حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، قَالَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ: سَمِعْتُ بُشَيْرَ بْنَ يَسَّارٍ، يَقُولُ: حَدَّثَنَا سُؤْدَةُ بِنْتُ النُّعْمَانِ، قَالَ: خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى خَيْبَرَ، فَلَمَّا كُنَّا بِالصَّهْبَاءِ - قَالَ يَحْيَى: وَهِيَ مِنْ خَيْبَرَ عَلَى رَوْحَةَ - دَعَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِطَعَامٍ، فَمَا آتَى إِلَّا بِسَوِيقٍ، فَلَكَّنَاهُ، فَأَلَكْنَا مِنْهُ، ثُمَّ دَعَا بِمَاءٍ، فَمَضْمَضَ وَمَضْمَضْنَا، فَصَلَّى بِنَا الْمَغْرِبَ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ " قَالَ سُفْيَانُ: «سَمِعْتُهُ مِنْهُ عَوْدًا وَيَدْعَاهُ» ¹² Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami 'Ali bin 'Abd Allah, telah menceritakan kepada kami Sufyan, telah berkata Yahya bin Sa'id, Aku mendengar Busyr bin Yasr berkata, telah menceritakan kepada kami Suwaid bin al-Nu'man berkata, "kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. ke Khaibar

⁵ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1095 entri "olah-olahan"

⁶ International Food Information Council Foundation, "What is a Processed Food?", laman sesawang *Food Insight*, dicapai 4 April 2017, <http://www.foodinsight.org/sites/default/files/what-is-a-processed-food.pdf>

⁷ Rajneesh Mahajan, Suresh Garg & P.B. Sharma, "Processed Food Supply Chain: A Framework For Literature Review", *Journal of Advance in Management Research* 14 (2017), 92.

⁸ Anna Post, Helena Shanahan & Lena Jonsson, "Food Processing: Barriers to, or opportunities, organic foods in the catering sector?", *British Food Journal* 110 (2008), 162.

⁹ International Food Information Council Foundation, "What is a Processed Food?"

¹⁰ Health & Care Information You Can Trust, "Eating Processed Foods", laman sesawang NHS Choices, dicapai 3 Mei 2017, <http://www.nhs.uk/Livewell/Goodfood/Pages/what-are-processed-foods.aspx>.

¹¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ath'imah, Bab al-Nafgh fī al-Sya'ir, no. Hadith 5410. Lihat Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, 467.

¹² Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ath'imah, Bab Laisa 'alā al-A'ma haraj, wa la 'ala al-a'raj haraj, wala 'ala al-Maridh haraj (al-Nur:61) ila qauluhu (la'allakum ta'qilun)(al-Baqarah:73), no. Hadith 5384. Lihat al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Hadīth*, 465.

3. <i>Hais</i>	SB: bab 16, 5387, 5425	<p>ketika kami berada di al-Sohbah – kata Yahya, Khaibar sejauh satu Rauhah – Rasulullah s.a.w. minta dibawakan makanan, maka tidak dibawakan kecuali tepung. Kami pun mengadunnya dan memakannya. Kemudian baginda s.a.w. meminta dibawakan air lalu berkumur-kumur dan kami berkumur-kumur. Baginda s.a.w. solat Maghrib mengimami kami tanpa mengulangi wudhu.” Sufyan berkata, “aku mendengar darinya beberapa kali dan pertama kali.”</p>
4. <i>Talbinah</i>	SB:5417	<p>وقال حُمَيْدٌ: سَمِعْتُ أَنَسًا، بَنَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصَفِيَّةَ، فَأَلْقَى الشَّمْرَ وَالْأَقِطَ وَالسَّمْنَ وَقَالَ عَمْرُو بْنُ أَبِي عَمْرٍو، عَنْ أَنَسٍ: «صَنَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْسًا»¹³</p> <p>Terjemahan: Humaid berkata: Aku mendengar Anas berkata: Nabi s.a.w. bersama dengan Shafiyah, maka dihidangkan kurma dan keju serta samn. Amr bin Abi Amr berkata dari Anas, “Nabi s.a.w. membuat <i>hais</i> (makanan yang terbuat dari kurma, keju dan samn).</p> <p>حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ عَقِيلٍ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ عَائِشَةَ، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهَا كَانَتْ إِذَا مَاتَ الْمَيْتُ مِنْ أَهْلِهَا، فَاجْتَمَعَ لِبَدِّهَا النَّسَاءُ، ثُمَّ تَفَرَّقْنَ إِلَّا أَهْلَهَا وَخَاصَّتَهَا، أَمَرَتْ بِبُرْمَةٍ مِنْ تَلْبِينَةٍ فَطَبَخَتْ، ثُمَّ صَنَعَ ثَرِيدًا فَصَبَّتِ التَّلْبِينَةَ عَلَيْهَا، ثُمَّ قَالَتْ: كُلْنَ مِنْهَا، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «التَّلْبِينَةُ مُجَمَّةٌ لِفَوَادِ الْمَرِيضِ، تَذْهَبُ بِبَعْضِ الْحُزْنِ»¹⁴</p>
5. <i>Akiq</i>	SB: 5387, 5389, 5402	<p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Bukhair, telah menceritakan kepada kami al-Laiyth dari ‘Aquil, dari Ibn Syihab, dari ‘Urwah, dari ‘Aisyah isteri Nabi s.a.w.: Sesungguhnya apabila ada yang meninggal dari keluarganya, maka akan berkumpul akan perkara itu perempuan-perempuan, kemudian mereka kembali kecuali ahli keluarga dan orang-orang yang khusus. Maka diperintahkan membawa periuk berisi <i>talbinah</i> lalu dimasak. Kemudian dibuat tharid lalu dituangkan ke <i>talbinah</i>, lalu berkata, “makanlah kalian darinya, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, “<i>talbinah</i> menyenangkan hati orang sakit dan menghilangkan sebahagian kesakitan”.</p> <p>حَدَّثَنَا أَبُو التَّعْمَانِ، حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، عَنْ أَبِي بَشِيرٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، «رَأَى أُمَّ حَفِيدٍ بَنَتْ الْخَارِثَ بْنَ حَزْنٍ، خَالَةَ ابْنِ عَبَّاسٍ أَهَدَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَعْنًا وَأَقِطًا وَأَضْبًا، فَدَعَا بِهِنَّ، فَأَكَلْنَ عَلَى مَا نَدَبَهُ، وَتَرَكَهُنَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَأَلْمُسْتَقْدِرِ لِهِنَّ، وَلَوْ كُنَّ حَرَامًا مَا أَكَلْنَ عَلَى مَا نَدَبَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَا أَمَرَ بِأَكْلِهِنَّ»¹⁵</p>
6. <i>Samm</i>	SB: 5387, 5389	<p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Abu al-Nu‘man, telah menceritakan kepada kami Abu ‘Awanah dari Abi Bisyr dari Sa‘id bin Jubair, dari Ibn ‘Abbas: “Sesungguhnya Ummu Hufaid binti al-Harith bin Hazn – makcik Ibn ‘Abbas’ – menghadiahkan samn, keju dan dhabb kepada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. minta dibawakan, lalu dimakan di atas tempat makannya. Nabi s.a.w. meninggalkannya seperti orang yang tidak suka terhadapnya. Sekiranya perkara itu haram, nescaya tidak dimakan di atas tempat makan Nabi s.a.w. dan tidak pula baginda s.a.w. perintahkan memakannya.</p> <p>حَدَّثَنَا أَبُو التَّعْمَانِ، حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، عَنْ أَبِي بَشِيرٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، «رَأَى أُمَّ حَفِيدٍ بَنَتْ الْخَارِثَ بْنَ حَزْنٍ، خَالَةَ ابْنِ عَبَّاسٍ أَهَدَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَعْنًا وَأَقِطًا وَأَضْبًا، فَدَعَا بِهِنَّ، فَأَكَلْنَ عَلَى مَا نَدَبَهُ، وَتَرَكَهُنَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَأَلْمُسْتَقْدِرِ لِهِنَّ، وَلَوْ كُنَّ حَرَامًا مَا أَكَلْنَ عَلَى مَا نَدَبَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَا أَمَرَ بِأَكْلِهِنَّ»¹⁶</p>
7. <i>Al-Khal</i>	SM: 5350, 5351, 5352, 5353, 5354, 5355	<p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Abu al-Nu‘man, telah menceritakan kepada kami Abu ‘Awanah dari Abi Bisyr dari Sa‘id bin Jubair, dari Ibn ‘Abbas: “Sesungguhnya Ummu Hufaid binti al-Harith bin Hazn – makcik Ibn ‘Abbas’ – menghadiahkan samn, keju dan dhabb kepada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. minta dibawakan, lalu dimakan di atas tempat makannya. Nabi s.a.w. meninggalkannya seperti orang yang tidak suka terhadapnya. Sekiranya perkara itu haram, nescaya tidak dimakan di atas tempat makan Nabi s.a.w. dan tidak pula baginda s.a.w. perintahkan memakannya.</p> <p>حَدَّثَنِي عَبْدُ اللهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الدَّارِمِيُّ، أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ حَسَّانَ، أَخْبَرَنَا سَلِيمَانُ بْنُ بِلَالٍ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «نِعْمَ الْأَدَمُ - أَوْ الْإِدَامُ - الْخَلُّ»</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada aku ‘Abd Allah bin ‘Abd Rahman al-Darimi, telah mengkhabarkan kepada kami Yahya bin Hassan, telah mengkhabarkan kepada kami Sulaiman bin Bilal, dari Hisyam bin ‘Urwah dari ayahnya, dari ‘Aisyah, sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda: “sebaik-baik lauk atau satu lauk yang baik adalah cuka”.</p>
8. <i>Zabib</i>	SB: 5588, 5589	<p>(Hadith riwayat Muslim, 5350)</p> <p>حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ أَبِيُوبٍ، حَدَّثَنَا ابْنُ عَلِيَّةَ، حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَزِيدَ أَبُو مُسْلِمَةَ، عَنْ أَبِي تَضْرَةَ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ،</p>

¹³ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ath’imah, Bab al-Aqith, tanpa no. Hadith. Lihat al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, 466.

¹⁴ ¹⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ath’imah, Bab al-Talbīnah, no. Hadith 5417 . Lihat al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaykh, 467.

¹⁵ Hadith riwayat al- Bukhārī, Kitab al-Ath’imah, Bab al-Khubzi al-Muraqqaq wa al-akli ‘alā al-khiwān wa al-sufrah, no. Hadith 5389. Lihat al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, 465.

¹⁶ Hadith riwayat al- Bukhārī, Kitab al-Ath’imah, Bab al-Khubzi al-Muraqqaq wa al-akli ‘alā al-khiwān wa al-sufrah, no. Hadith 5389. Lihat al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, 465.

	<p>SM: 5116, 5117, 5118, 5119, 5120, 5121, 5122, 5123, 5124, 5125, 5126, 5127, 5128, 5129, 5130, 5131, 5132, 5133, 5134, 5135.</p>	<p>قال: «نهانا رسول الله صلى الله عليه وسلم أن نخلط بين الزبيب والتمر، وأن نخلط البسر والتمر» Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Ayyub, telah menceritakan kepada kami Ibn 'Ulayyah, telah menceritakan kepada kami Sa'id bin Yazid Abu Maslamah, dari Abi Nadhrah, dari Abi Sa'id telah berkata, "Rasulullah s.a.w. melarang kami untuk mencampurkan antara kismis dan kurma kering, dan mencampurkan kurma basah dan kurma kering". (Hadith riwayat Muslim, 5150)</p>
<p>9. <i>Khatifah</i></p>	<p>SB: 5450</p>	<p>حَدَّثَنَا الصَّلْتُ بْنُ مُحَمَّدٍ، حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ، عَنِ الْجَعْدِ أَبِي عُمَانَ، عَنِ أَنَسِ، ح وَعَنْ هِشَامٍ، عَنِ مُحَمَّدٍ، عَنِ أَنَسِ، وَعَنْ سِنَانِ أَبِي رَبِيعَةَ، عَنِ أَنَسِ، أَنَّ أُمَّ سَلِيمٍ أُمَّهُ، عَمَدَتُ إِلَى مَدِّ مِنْ شَعِيرِ جَسْتِئِهِ، وَجَعَلَتْ مِنْهُ حَظِيفَةً، وَعَصَرَتْ عَكَةَ عِنْدَهَا، ثُمَّ بَعَثَتْنِي إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَيْتُهُ وَهُوَ فِي أَصْحَابِهِ فَدَعَوْتُهُ، قَالَ: «وَمَنْ مَعِيَ؟» فَجِئْتُ فَقُلْتُ: إِنَّهُ يَقُولُ: وَمَنْ مَعِيَ؟ فَخَرَجَ إِلَيْهِ أَبُو طَلْحَةَ، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّمَا هُوَ شَيْءٌ صَنَعْتَهُ أُمَّ سَلِيمٍ، فَدَخَلَ فَجِئَ بِهِ، وَقَالَ: «أَدْخُلْ عَلَيَّ عَشْرَةَ» فَدَخَلُوا فَأَكَلُوا حَتَّى شَبِعُوا، ثُمَّ قَالَ: «أَدْخُلْ عَلَيَّ عَشْرَةَ» فَدَخَلُوا فَأَكَلُوا حَتَّى شَبِعُوا، ثُمَّ قَالَ: «أَدْخُلْ عَلَيَّ عَشْرَةَ» حَتَّى عَدَّ أَرْبَعِينَ، ثُمَّ أَكَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ قَامَ، فَجَعَلَتْ أَنْظُرَ، هَلْ نَقَصَ مِنْهَا شَيْءٌ؟» Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami al-Salt bin Muhammad, telah menceritakan kepada kami Hammad bin Zaid, dari Ja'di Abi Uthman, dari Anas ح dan dari Hisyam dari Muhammad dari Anas dari Sinan Abi Rabi'ah, dari Anas, sesungguhnya Ummu Sulaim ibunya Anas, mengambil satu <i>mud</i> barli yang ditumbuk agak kasar dan membuat <i>khatifah</i> serta menuangkan dari tempat madu disisinya. Kemudian dia mengutusku kepada Nabi s.a.w. dan aku pun mendatangi baginda s.a.w. yang pada waktu itu bersama para sahabatnya, lalu aku menjemputnya. Baginda bertanya, "orang-orang yang bersamaku juga". Aku datang dan berkata, "sungguh beliau menyebut orang-orang bersamaku juga". Abu Talhah keluar menyambut dan berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia sesuatu yang dibuat oleh Ummu Sulaim. Baginda masuk dan makanan pun dihidangkan kepadanya. Baginda bersabda: "masuklah kepadaku sepuluh orang". Mereka pun masuk, lalu makan sehingga kenyang. Kemudian baginda bersabda: "masuklah kepadaku sepuluh orang". Mereka pun masuk, lalu makan sehingga kenyang. Kemudian baginda bersabda: "masuklah kepadaku sepuluh orang" sehingga dihitung sebanyak empat puluh orang. Kemudian Nabi s.a.w. makan, lalu berdiri. Aku pun memerhatikan apakah makanan itu berkurang?</p>
<p>10. <i>Wathbah</i></p>	<p>SM: 5328</p>	<p>حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى الْعَنَزِيُّ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ حُمَيْرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بَسْرٍ، قَالَ: نَزَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَبِي، قَالَ: فَفَرَّبْنَا إِلَيْهِ طَعَامًا وَوَطْبَةً، فَأَكَلَ مِنْهَا، ثُمَّ أَتَى بَنَمْرَ فَكَانَ يَأْكُلُهُ وَيَلْقِي النَّوَى بَيْنَ إِصْبَعَيْهِ، وَيَجْمَعُ السَّبَابَةَ وَالْوَسْطَى - قَالَ شُعْبَةُ: هُوَ ظَنِّي وَهُوَ فِيهِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ إِفَاءَةُ النَّوَى بَيْنَ الإِصْبَعَيْنِ - ثُمَّ أَتَى بِشَرَابٍ فَشَرِبَهُ، ثُمَّ نَاولَهُ الَّذِي عَنْ يَمِينِهِ، قَالَ: فَقَالَ أَبِي: وَأَخَذَ بِلِجَامِ دَابَّتِهِ، ادْعُ اللَّهُ لَنَا، فَقَالَ: «اللَّهُمَّ، بَارِكْ لَهُمْ فِي مَا رَزَقْتَهُمْ، وَاعْفُ رَحْمَتُكَ لَهُمْ» Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin al-Muthanna al-Anazi, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Ja'far, telah menceritakan kepada kami Syu'bah, dari Yazid bin Khumair, dari 'Abd Allah bin Busr telah berkata: Rasulullah s.a.w. singgah di rumah ayahku. Ia berkata, lalu kami mendekatkan makanan dan <i>wathbah</i> (sejenis makanan dari bahan kurma, tepung dan mentega) kepada baginda. Baginda makan dari makanan tersebut, kemudian dihidangkan kurma. Baginda memakannya dan meletakkan biji kurma di antara dua jarinya dan menggabungkan antara jari telunjuk dan jari tengah. Syu'bah berkata: "itu menurut prasangkaku" insyaAllah terdapat keterangan bahawa baginda meletakkan biji kurma di antara dua jarinya"- kemudian baginda dihidangkan minuman, lalu baginda meminumnya, kemudian baginda memberikannya kepada orang yang berada di sebelah kanannya." Ia (Abdullah) berkata: "lalu ayahku berkata, sambil mengambil tali haiwan tunggangannya, "berdoalah kepada Allah untuk kami." Baginda bersabda, "Ya Allah! Berilah keberkahan dari rezeki yang telah Engkau berikan kepada mereka, ampunilah mereka dan berilah rahmat kepada mereka".</p>
<p>11. <i>Khazirah</i></p>	<p>SB: 5401</p>	<p>حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَكْرِ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ عَقِيلٍ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، قَالَ: أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ، أَنَّ عَتَبَانَ بْنَ مَالِكٍ، وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّنْ شَهِدَ بَدْرًا مِنَ الْأَنْصَارِ: أَنَّهُ أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَنْكَرْتُ بِصُرِي، وَأَنَا أَصْلَى لِقَوْمِي، فَإِذَا كَانَتِ الْأَمْطَارُ سَالَ الْوَادِي الَّذِي بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ، لَمْ أَسْتَطِعْ أَنْ أَتِيَ مَسْجِدَهُمْ فَأُصَلِّيَ لَهُمْ، فَوَدِدْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَّكَ تَأْتِي فَتُصَلِّيَ فِي بَيْتِي فَاتَّخِذْهُ مَصَلِّي، فَقَالَ: «سَأَفْعَلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ» قَالَ عَتَبَانُ: فَعَدَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ جِئْنَا رَتَقَ النَّهَارَ، فَاسْتَأْذَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَذِنَتْ لَهُ، فَلَمْ يَجْلِسْ حَتَّى دَخَلَ الْبَيْتَ، ثُمَّ قَالَ لِي: «أَيْنَ تُحِبُّ أَنْ أَصَلِّيَ مِنْ بَيْتِكَ؟» فَأَشْرَفْتُ إِلَى نَاحِيَةِ مِنَ الْبَيْتِ، فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَبَّرَ فَصَفَّعْنَا، فَصَلَّى رُكْعَتَيْنِ ثُمَّ [ص: 73] سَلَّمَ، وَحَسَنَاهُ عَلَى خَزِيرِ صَنْعَانِهِ، فَتَابَ فِي الْبَيْتِ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الدَّارِ ذُو عَدَدٍ فَاجْتَمَعُوا، فَقَالَ قَائِلٌ مِنْهُمْ: أَيْنَ مَالِكُ بْنُ الدُّخَسْنِ؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: ذَلِكَ مُنَافِقٌ، لَا يُحِبُّ اللَّهُ وَرَسُولَهُ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " لَا تَقُلْ، أَلَا تَرَاهُ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، يُرِيدُ بِذَلِكَ وَجْهَ اللَّهِ؟ " قَالَ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: فَلَمَّا: فَإِنَّا نَرَى وَجْهَهُ وَنُصَبِحَتُهُ إِلَى الْمُنَافِقِينَ، فَقَالَ: " فَإِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَى النَّارِ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، يَنْتَعِي بِذَلِكَ وَجْهَ اللَّهِ " قَالَ ابْنُ شِهَابٍ: ثُمَّ سَأَلْتُ الْخَصِيْنَ بْنَ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيَّ، أَحَدَ بَنِي سَالِمٍ، وَكَانَ مِنْ سَرَاتِهِمْ، عَنْ حَدِيثِ</p>

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Yahya bin Bukhair, telah menceritakan kepada kami al-Laith dari 'Uqail dari Ibn Syihab telah berkata: telah mengkhabarkan kepada aku Mahmud bin Rabi' al-Ansori, sesungguhnya 'Itban bin Malik adalah dari sahabat Nabi s.a.w. yang turut serta di medan Badr daripada kalangan Ansor datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah, aku tidak dapat melihat dan aku solat mengimami kaumku, apabila hujan turun maka mengalirlah air di lembah yang ada di antara aku dan mereka, sehingga aku tidak mampu untuk datang ke masjid mereka, maka aku berharap wahai Rasulullah engkau datang dan solat di rumahku, lalu aku menjadikannya sebagai tempat solat." Beliau bersabda, "aku akan melakukannya insyaAllah". Itban berkata, "pagi harinya Rasulullah s.a.w. datang kepadaku bersama Abu Bakar ketika matahari sudah meninggi. Nabi s.a.w. minta izin masuk dan aku mengizinkannya. Baginda tidak duduk sehingga masuk ke dalam rumah kemudian berkata kepadaku, "dimana engkau suka aku solat dirumahmu?" Aku mengisyaratkan ke satu sisi rumah. Nabi s.a.w. berdiri lalu bertakbir dan kami membuat saf. Beliau solat dua rakaat kemudian salam. Kami menahannya untuk makan khazir yang telah kami buat. Maka berkumpul di rumah beberapa lelaki penduduk rumah dalam jumlah tertentu. Mereka semuanya berkumpul. Seseorang di antara mereka berkata, "di mana Malik bin al-Duhsyun?" Sebahagian mereka menjawab, "itu orang munafiq, dia tidak suka Allah dan RasulNya. Nabi s.a.w. bersabda, angan katakan, tidakkah engkau melihat dia mengucapkan *laa ilaaha illallaah* dengan mengharapkan redha Allah?" orang itu berkata, "Allah dan RasulNya lebih mengetahui". Orang itu kembali berkata, "kami mengatakannya kerana kami melihat wajahnya dan nasihatnya kepada orang-orang munafik. Baginda bersabda, "sesungguhnya Allah mengharamkan atas neraka mereka yang mengucapkan *laa ilaaha illallaah* dengan mengharapkan redha Allah. Ibn Syihab berkata, "kemudian aku bertanya kepada al-Husain bin Muhammad al-Ansori – salah seorang bani Salim dan termasuk para pemuka mereka – tentang hadith Mahmud maka dia membenarkannya.

12. *Al-Tharid* SB: 5418, 5419, 5420, 5428

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُنِيرٍ، سَمِعَ أَبَا حَاتِمٍ الْأَشْهَلِيَّ بْنَ حَاتِمٍ، حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ، عَنْ ثُمَامَةَ بْنِ أَنَسٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: دَخَلْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى غُلَامٍ لَهُ خَبْطٌ، فَقَدِمَ إِلَيْهِ قَصْعَةٌ فِيهَا تَرِيدٌ، قَالَ: وَأَقْبَلَ عَلَيَّ عَمَلُهُ، قَالَ: «فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَّبِعُ الدُّبَاءَ» قَالَ: فَجَعَلْتُ أَتَّبِعُهُ فَأَضَعَهُ بَيْنَ يَدَيْهِ قَالَ: فَمَا زِلْتُ بَعْدُ أُحِبُّ الدُّبَاءَ

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami 'Abd Allah bin Munir, aku mendengar 'Aba Hatim al-Asyhal bin hatim, telah menceritakan kepada kami 'Auni, dari Thumamah bin Anas, dari Anas r.a. telah berkata: "aku masuk bersama Nabi s.a.w. kepada seorang budak tukang jahit. Maka dihidangkan kepadanya piring berisi *tharid*". Dia berkata: "maka Nabi s.a.w. mencari-cari dubba'." Dia berkata: "maka aku pun mencarinya kemudian meletakkan dihadapannya." Dia berkata, "sejak itu aku menyukai dubba'".

13. *Nabiz* SB: 5591

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ أَبِي حَازِمٍ، قَالَ: سَمِعْتُ سَهْلًا، يَقُولُ: أَتَى أَبُو أُسَيْدٍ السَّاعِدِيُّ فِدْعَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَرْبِهِ، فَكَانَتْ أَمْرَأَتُهُ خَادِمَتَهُمْ، وَهِيَ الْغُرُوسُ، قَالَ: «أَتَدْرُونَ مَا سَفَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ أَنْقَعْتُ لَهُ تَمْرَاتٍ مِنَ اللَّيْلِ فِي تَوْرٍ»¹⁸

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Qutaybah bin Sa'id, telah menceritakan kepada kami Ya'qub bin 'Abd al-Rahman dari 'Abi Hazim telah berkata: "aku mendengar Sahl berkata: telah datang Abu Usaid al-Sa'idi dan menjemput Rasulullah s.a.w. ke walimah nikahnya. Adalah setika itu isterinya sedang melayani mereka dan dia adalah pengantin perempuan. Lalu berkata: "apakah kamu tahu apa yang aku beri minum kepada Rasulullah s.a.w.? Aku merendam beberapa kurma kering pada waktu malam di dalam tour untuk baginda".

14. *Khamr* SB: 5575, 5576, 5577, 5578, 5590 5610 SM: 5132, 5138, 5218, 5222, 5224, 5225

وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ يَعْقِبُ بْنُ الْحَنْفِي، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ جَعْفَرٍ، حَدَّثَنِي أَبِي، أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ، يَقُولُ: «لَقَدْ أَنْزَلَ اللَّهُ الْآيَةَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ فِيهَا الْخَمْرَ، وَمَا بِالْمَدِينَةِ شَرَابٌ يَشْرَبُ إِلَّا مِنْ تَمْرٍ»¹⁹

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin al-Muthanna, telah menceritakan kepada kami Abu Bakat yakni al-Hanafī, telah menceritakan kepada kami 'Abd al-Hamid bin Ja'far, telah menceritakan kepada aku ayahku, sesungguhnya mendengar Anas bin Malik berkata: "sesungguhnya Allah

¹⁷ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ath'imah, Bab al-Khazirah, no. Hadith 5401 . Lihat al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Hadīth*, 466.

¹⁸ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ashribah, Bab al-Intibāz fī al-Au'iyah wa al-thur, no. Hadith 5591 . Lihat al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Hadīth*, 480.

¹⁹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Tahrīm al-Khamr, wa bayān annahā takūna min 'asīr al-Inab wa min al-Tamr wa al-Busr wa al-Zabīb wa ghairuhā mimā yaskur, no. Hadith 5139. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Sahīh Muslim," dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh 1032.

15. <i>al-Bit'u</i>	SB: 5585, 5586 SM: 5179, 5180, 5181, 5182, 5183, 5184	<p>menurunkan ayat yang mengharamkan padanya <i>khamr</i>, dan akhirnya di Madinah tidak ada minuman yang diminum selain berasal dari kurma kering.</p> <p>حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّ عَائِشَةَ، قَالَتْ: سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْبَيْعِ، فَقَالَ: «كُلُّ شَرَابٍ فَهُوَ حَرَامٌ»²⁰</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami 'Abd Allah bin Yusuf, telah mengkhabarkan kepada kami Malik dari Ibn Syihab dari Abi Salamah bin 'Abd al-Rahman, sesungguhnya Aisyah telah berkata: "aku bertanya Rasulullah s.a.w. tentang al-bitu'. Baginda berkata: "setiap minuman yang memabukkan adalah haram".</p>
16. <i>al-Bāzaq</i>	SB: 5598	<p>حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ، أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ، عَنْ أَبِي الْجَوَيْرِيَّةِ، قَالَ: سَأَلْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ، عَنِ الْبَادِقِ فَقَالَ: سَبَقَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْبَادِقَ: «فَمَا أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ» قَالَ: الشَّرَابُ الْحَلَالُ الطَّيِّبُ، قَالَ: «لَيْسَ بِحَدِّ الْحَلَالِ الطَّيِّبِ إِلَّا الْحَرَامُ الْخَبِيثُ»²¹</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Kathir, telah mengkhabarkan kepada kami Sufyan dari Abi al-Juwairiyah telah berkata: Aku bertanya Ibn 'Abbas tentang al-Bāzaq. Maka dia berkata: Muhammad s.a.w. telah mendahului dalam perkara bāzaq, apa yang memabukkan maka ia adalah haram. Dia berkata: "minuman adalah halal dan baik." Dia berkata: "tidak ada setelah yang halal dan baik kecuali haram dan buruk".</p>
17. <i>al-Mizr</i>	SM: 5182, 5183, 5184, 5185	<p>حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ يَعْنِي الدَّرَاوَرْدِيَّ، عَنْ عُمَارَةَ بْنِ غَرْبَةَ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ، عَنْ جَابِرٍ، أَنَّ رَجُلًا قَدِمَ مِنْ جَبْشَانَ، وَجَبْشَانَ مِنَ الْيَمَنِ، فَسَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ شَرَابٍ يَشْرَبُونَهُ بِأَرْضِهِمْ مِنَ الذَّرَّةِ، يُقَالُ لَهُ: الْمَزْرُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَوْ مُسْكِرٌ هُوَ؟» قَالَ: نَعَمْ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ، إِنَّ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ عَهْدًا لِمَنْ يَشْرَبُ الْمُسْكِرَ أَنْ يَسْقِيَهُ مِنْ طِينَةِ الْخَبَالِ» قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا طِينَةُ الْخَبَالِ؟ قَالَ: «عَرَقَ أَهْلَ النَّارِ»²²</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa'id, telah menceritakan kepada kami 'Abd al-'Aziz – iaitu al-Darawardi- dari 'Umarah bin Ghaziyyah, dari Abi al-Zubair dari Jabir, sesungguhnya seorang lelaki telah datang dari JaiShan, dan Jaishan adalah dari Yaman, maka bertanyalah dia kepada Nabi s.a.w. tentang minuman yang dibuat daripada jagung yang mereka minum dinegeri mereka yang dinamakan al-mizru? Maka Nabi s.a.w. bersabda: "Adakah minuman itu memabukkan?" Dia menjawab: Ya. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Setiap yang memabukkan adalah haram. Sesungguhnya Allah Azza wajalla telah berjanji bagi orang yang minum minuman yang memabukkan agar ia menumpahkan dari Thinatul Khabal". Mereka bertanya: Wahai Rasulullah, apakah itu Thinatul Khabal?" Baginda menjawab, "peluh penduduk neraka atau jus penduduk neraka".</p>

Sumber: Bab Makanan dan Minuman dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim

Jadual di atas menunjukkan jenis-jenis makanan olahan serta hadith-hadith mengenainya. Terdapat tujuh belas jenis makanan olahan yang terdapat dalam *sahihain* pada bab makanan dan minuman. Makanan olahan pertama ialah roti yakni yang disebut sebagai *al-naqi* atau *akrisoh* atau *khabzun*. Terdapat lapan hadith dalam sahih Bukhari dan tiga hadith dalam sahih Muslim yang menyebut tentang roti. Makanan olahan kedua pula ialah *sawiq*. Terdapat 4 hadith tentang *sawiq* yang terdapat dalam sahih Bukhari. Makanan olahan ketiga ialah *hais*. Terdapat tiga tempat disebutkan tentang *hais* dalam sahih Bukhari.

Makanan olahan keempat ialah *talbinah*. Terdapat satu hadith yang menyebutkan tentangnya yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari. Makanan olahan kelima ialah keju. Terdapat tiga hadith yang menyebut tentangnya yang terdapat dalam sahih Bukhari. Makanan olahan keenam *samn*. Terdapat dua hadith yang menyebut tentangnya yang terdapat dalam sahih Bukhari. Makanan olahan ketujuh ialah cuka. Terdapat enam hadith yang menyebut berkaitannya dalam sahih Muslim. Makanan olahan kelapan ialah kismis. Terdapat dua hadith dalam sahih Bukhari dan dua puluh hadith dalam sahih Muslim yang menyebut tentangnya.

Makanan olahan kesembilan ialah *khatifah*. Hanya terdapat satu hadith yang menyebut tentangnya iaitu dalam sahih Bukhari. Makanan olahan kesepuluh ialah *watbah*. Juga terdapat satu hadith yang menyebut tentangnya iaitu dalam sahih Muslim. Makanan olahan kesebelas ialah *khazirah*. Juga turut terdapat hanya satu hadith yang menyebut tentangnya iaitu dalam sahih Bukhari. Makanan olahan kedua belas ialah *al-tharid*. Terdapat empat hadith yang menyebut tentangnya dalam sahih Bukhari. Makanan olahan ketiga belas ialah *nabiz*. Terdapat satu hadith yang menyebut berkaitannya iaitu dalam sahih Bukhari.

²⁰ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ashribah, Bab al-Khamr min al-‘Asal wa huwa al-Bit’u, no. Hadith 5585. Lihat al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, 479.

²¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Asyribah, Bab al-Bāzaq, wa min naha ‘an kulli maskar min al-ashribah, no. Hadith 5598. Lihat, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, 480.

²² Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Bayān anna kulli muskir khamr wa anna kulli khamr harām, no. Hadith 5217. Lihat Muslim, “Sahīh Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, 1035.

Makanan olahan keempat belas ialah *khamr*. Terdapat enam hadith dalam sahih Bukhari dan enam hadith dalam sahih Muslim yang menyebut tentangnya. Makanan olahan kelima belas ialah *al-bit'u*. Terdapat dua hadith dalam sahih Bukhari dan enam hadith dalam sahih Muslim yang menyebut tentangnya. Makanan olahan keenam belas ialah *al-bāzaq*. Terdapat satu hadith dalam sahih Bukhari yang menyebut tentangnya. Dan makanan olah terakhir ialah *al-mizr*. Terdapat empat hadith dalam sahih Muslim yang menyebut tentangnya.

4. Perbincangan Mengenai Makanan Olahan dan Pembahagiannya Menurut Fiqh Al-Hadith

Sebagaimana yang disebutkan bahawa makanan olahan adalah makanan yang apabila mengalami proses pengubah suai atau melalui proses pencampuran daripada bahan asal sehingga menjadikannya membentuk satu bahan yang lain yang berbeza dari sudut fizikal, rasa mahupun namanya di sebut sebagai makanan olahan. Terdapat tujuh belas jenis makanan olahan yang disebutkan dalam *al-sahihain*. Berikut merupakan kaedah dalam penghasilan makanan olahan tersebut:

1. *Al-naqi* atau *akrisoh* atau *khabzun* iaitu roti.

Roti merupakan makanan olahan yang terhasil daripada campuran tepung dan yis dan juga daripada tepung tetapi tidak ditambah sebarang bahan penaik.²³ Roti mempunyai pelbagai khasiat. Menurut kajian saintifik, roti dari bijirin mengandungi pelbagai khasiat untuk tubuh badan. Antaranya vitamin, mineral, karbohidrat, lemak, minyak dan protein.²⁴

2. *Sawīq* iaitu tepung.

Ianya terhasil daripada pemprosesan keatas gandum mentah yakni sekamnya boleh dipisahkan dan dihancurkan menjadi bran (serat). Selain tepung, bahan yang terhasil daripada gandum mentah adalah semolina atau malt.

3. *Hais* iaitu campuran antara keju, kurma dan *samn* (minyak sapi).

Campuran makanan ini menjadikan makanan ini bersifat manis. Rasulullah s.a.w. sendiri yang telah menunjukkan cara pembuat *hais* sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari pada bab enam belas.

4. *Talbīnah*.

Menurut kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula, *talbīnah* didefinisikan sebagai sejenis kanji dari gandum atau bijirin lain yang sudah ditumbuk sehingga membentuk rebusan yang pekat atau bubur. Dipanggil dengan *talbinah* kerana warnanya yang putih dan keadaannya yang cair menyerupai susu. Kadang kala turut dicampur madu.²⁵

5. *Akiṭ* iaitu keju.

Keju adalah diperbuat kebanyakan daripada susu lembu, tetapi susu dari mamalia lain seperti biri-biri, kambing, unta, kerbau, rusa, dan yak juga turut digunakan. Pemprosesan ke atas susu-susu inilah yang menjadikan lahirnya keju.²⁶

6. *Samn* iaitu mentega.

Penghasilan jenis makanan ini adalah melalui pemprosesan produk tenusu asli bagi memisahkan lemak susu dan cecair. Mentega terdiri dari lemak mentega, air dan protein susu.

7. *Al-khal* ialah cuka.

Ianya merupakan cecair yang dihasilkan melalui penapaian karbohidrat.²⁷

8. *Zabīb* ialah kismis.

Kismis merupakan anggur yang melalui proses pengeringan.

9. *Khatīfah*

Khatīfah ialah sejenis makanan yang diperbuat daripada barli dan susu. Dimana pembuatannya adalah sebagai bahan adunan.

10. *Wathbah*

Wathbah ialah makanan olahan yang terdiri daripada pencampuran kurma, tepung dan mentega.

11. *Khazīrah*

Iaitu sejenis makanan hasil pencampuran daging yang dipotong kecil-kecil, lalu dimasak dengan air dan apabila telah masak dicampur dengan tepung.

²³ Suhartono Arifin, "Studi Pembuatan Roti Dengan Substitusi Tepung Pisang Kepok (Musa Paradisiaca Formatypica)" (Latihan Ilmiah, Universitas Hasanuddin, Makassar, 2011), 12.

²⁴ Waines, David, "Cereals, Bread and Society: An Essay On The Staff Of Life In Medieval Iraq," *Journal of the Economic and Social History of the Orient* (1987), 255-285.

²⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Tibb al-Nabawi*, (Makkah: Maktabah al-Nahdah al-Hadithah, 1991), 141.

²⁶ _____, "Cheese", laman sesawang cheese, dicapai pada 26 Ogos 2016, <http://www.cheese.com/>

²⁷ Bassem Y. Sheikh, *The Role of Prophetic Medicine in the Management of Diabetes Mellitus: A Review of Literature*, 346.

12. *Al-tharīd*
Iaitu makanan yang terdiri daripada roti yang direndam dalam kuah berisi daging.²⁸
13. *Nabīz*
Nabīz merupakan kurma yang direndam di dalam air semalaman sehingga bahan-bahan dalam kurma meleraikan ke dalam air dan membentuk air kurma. Proses pencampuran dan rendaman ini tidak membabitkan api atau masakan.²⁹
14. *Khamr* atau arak
Terdapat pelbagai cara dan kaedah pembuatannya. Jika dirujuk di dalam al-Qur'an, pembuatannya adalah dengan menggunakan kurma dan juga anggur. Manakala merujuk hadith terdapat pelbagai cara antaranya pencampuran antara kismis dan kurma, pemerapan kurma melebihi had dan sebagainya. Apa yang pasti, setiap minuman yang memabukkan disebut sebagai *khamr*.
15. *Al-bit'u*
Iaitu rendaman madu dalam air sehingga berlaku perubahan kepada rasa, bau dan menatijahkan kemabukan.
16. *Al-bāzaq*
Jus anggur yang dimasak sehingga memabukkan atau dimasak setelah rasanya keras.³⁰
17. *Al-mizr*
Iaitu rendaman jagung yang disimpan dan diperam sehingga berlaku perubahan pada rasanya dan menatijahkan mabuk.

Berdasarkan kepada tujuh belas jenis makanan olahan yang dibincangkan di atas, dapat dibahagikan makanan olahan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah makanan olahan yang dibenarkan dan bahagian kedua ialah makanan olahan yang dilarang. Makanan olahan yang dibenarkan ialah makanan olahan yang telah di buat atau di makan oleh baginda s.a.w. atau para sahabat tanpa ditegah mahupun dihukumkan makruh dan haram. Manakala makanan olahan yang dilarang adalah makanan olahan yang Rasulullah s.a.w. jelas menyebut larangan dan menghukumkan haram ke atasnya.

Terdapat tiga belas jenis makanan olahan yang termasuk kategori dibenarkan dan hanya empat jenis makanan olahan yang termasuk kategori dilarang. Tiga belas jenis yang dibenarkan ialah *khabzun/akrisoh/al-naqi, sawīq, hais, talbinah, al-akiṭ, samn, al-khal, zabīb, khatīfah, wathbah, khazīrah, al-tharīd* dan *nabiz*. Manakala empat jenis yang termasuk kategori makanan olahan yang dilarang ialah *khamr, al-bit'u, al-bāzaq* dan *al-mizr*.

Sebagai contoh, makanan olahan yang dibenarkan *talbinah*. *Talbinah* ini termasuk kategori dibenarkan adalah bertitik tolak daripada fungsi dan peranannya yang besar. Memakan *talbinah* ketika sakit mampu memberi ketenangan hati pesakit iaitu melalui sifatnya yang lembut dan mudah dihadam. Ini sebagaimana hadith baginda s.a.w. yang menyebut bahawa "*talbinah dapat menenangkan hati pesakit dan menghilangkan sebahagian kesedihan*". Selain itu, ianya membantu menghilangkan kesedihan dan kemurungan (*depression*), merawat penyakit pada system penghadaman, membantu mengurangkan kolestrol dalam darah, mengatasi penyakit darah tinggi, menurunkan kadar gula dalam darah, mengawal daripada penyakit kanser dan melambatkan penuaan, mengatasi penyakit kesukaran tidur (*insomnia*) dan menguatkan system pertahanan tubuh. Melihat kepada fungsi dan peranannya yang kesemuanya memberi kesan yang baik dan positif pada tubuh badan, maka tidak hairanlah *talbinah* termasuk dalam kategori makanan olahan yang dibenarkan.³¹

Seterusnya contoh untuk makanan olahan yang tidak dibenarkan iaitu *khamr* yakni arak. Arak bukan sahaja tidak dibenarkan bahkan telah dihukumkan sebagai haram. Cara pembuatan arak yang dilakukan oleh masyarakat Arab dahulu yang telah membawa kepada hukum haram adalah pelbagai cara. Tetapi cara yang paling masyhur adalah daripada rendaman kurma dan rendaman anggur. Pada asalnya, rendaman kurma adalah dibenarkan dan turut terdapat khasiat yang besar. Tetapi, jika rendaman ini melebihi hadnya, ianya akan bertukar menjadi *khamr*. Satu kajian makmal telah dijalankan untuk melihat kadar etanol dalam jus kurma hasil pemeraman dengan variasi waktu 24, 48, 72, 96 dan 120 jam adalah:

- a. 24 jam = 0,4417%(b/b)
- b. 48 jam = 0,04717% (b/b)
- c. 72 jam = 0,51% (b/b)
- d. 96 jam = 0,8784% (b/b)
- e. 120 jam = 1,6951% (b/b)

Bacaan hasil kajian makmal di atas adalah tidak ada perbezaan yang signifikan pada kadar etanol, rendaman kurma yang diperam dengan berbagai variasi waktu. Tetapi, semakin lama waktu pemeraman,

²⁸ Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*, 9:452. Rujuk juga, Hisham Thalhaf, et. al. Ensiklopedia Mukjizat al-Quran dan Sains, 224.

²⁹ Ahmad Adnan Fadzil, 101 Hadis Pengubatan Rasulullah daripada Shahih al-Bukhari, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd), 45.

³⁰ Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*, 65.

³¹ Faszly Rahim et. al., *Indahnya Pemakanan & Perubatan Islam: Keajaiban Penyembuhan Dengan Farmakologi Alam*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2016), 48-50.

kadar etanol semakin meningkat. Ini menjadikan, rendaman kurma yang telah di simpan selama tiga hari masih boleh digunakan kerana belum sampai pada kadar yang memabukkan. Manakala jika sekiranya rendaman tersebut melebihi tiga hari, kadar alkohol meningkat sampai kepada kadar yang memabukkan.³² Oleh itu, ini menunjukkan bahawa rendaman kurma dengan melebihi had, mampu menatijahkan kemabukan, dihukumkan haram dan dikategorikan sebagai bahagian makanan olahan yang tidak dibenarkan.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, makanan dalam *al-sahihain* terbahagi kepada lima bahagian. Pertama *nabati* yakni tumbuh-tumbuhan. Untuk bahagian pertama ini terbahagi kepada dua iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran. Kedua, *haiwani* yakni makanan daripada haiwan. Ketiga, bijirin. Keempat ialah makanan olahan. Dan yang terakhir ialah yang tidak termasuk mana-mana kategori. Hasil perbincangan menjelaskan bahawa makanan olahan ialah sesuatu makanan yang apabila mengalami proses pengubah suaian atau melalui proses pencampuran daripada bahan asal sehingga menjadikannya membentuk satu bahan yang lain yang berbeza dari sudut fizikal, rasa mahupun namanya. Makanan olahan dalam *al-sahihain* terdiri daripada tujuh belas jenis. Iaitu *khabzun/akrisoh/al-naqi, sawiq, hais, talbinah, al-akiṭ, samn, al-khal, zabib, khatifah, wathbah, khazirah, al-tharid, nabiz, khamr, al-bit'u, al-bāzaq* dan *al-mizr*.

Manakala daripada tujuh belas jenis makanan olahan ini, apabila dilihat dari sudut *fiqh al-hadith*, mendapati bahawa ianya dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian tersebut ialah pertama, makanan olahan yang dibenarkan dan kedua makanan olahan yang dilarang. Dibenarkan mahupun dilarang sesuatu makanan itu bertitik tolak daripada nilai Nabi s.a.w. menerusi hadithnya dengan melihat kepada faedah atau kesan yang akan didapati kepada tubuh badan samada membawa kepada manfaat atau membawa kepada keburukan. Sekiranya ianya membawa manfaat, ianya dibenarkan atau dihukumkan harus. Manakala jika ianya membawa keburukan maka ianya dilarang bahkan dihukumkan makrud atau haram.

Rujukan

- Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī. "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mausū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyādh: Dar al-Salam, 2000).
- Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim. "Sahīh Muslim," dalam *Mausū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (Riyādh: Dar al-Salam, 2000).
- Ahmad Adnan Fadzil. (n.d). 101 Hadis Pengubatan Rasulullah daripada Shahih al-Bukhari. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Bassem Y. Sheikh. (2016). The Role of Prophetic Medicine in the Management of Diabetes Mellitus: A Review of Literature. *Journal of Taibah University Medical Sciences*.
- Faszly Rahim et. al.(2016). *Indahnya Pemakanan & Perubatan Islam: Keajaiban Penyembuhan Dengan Farmakologi Alam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Hisham Thalbah, et. al. (2009) Ensiklopedia Mukjizat al-Quran dan Sains . Jakarta: PT. Sapt Sentosa.
- Ibn Hajar al-Asqalāni. (1988). *Fath al-Bāri Bi Syarh Sahīh al-Bukhārī* (Kaherah: Dar al-Diyan Lil Turath.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1991). *al-Tibb al-Nabawi*. Makkah: Maktabah al-Nahdah al-Hadithah
- M Quraish Shihab. (1996). *Wawasan al-Qur'an: Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- M Quraish Shihab. (1987). *Wawasan al-Qur'an: Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Waines, David, "Cereals, Bread and Society: An Essay On The Staff Of Life In Medieval Iraq," *Journal of the Economic and Social History of the Orient*.
- Riza Rizqiyah.(2007). *Pengaruh Variasi Waktu Pemeraman Terhadap kadar Etanol Jus Buah Kurma (Analisis Hadis Nabi Secara Saintifik)*. Latihan Ilmiah, Fakultas Sains dan Teknologi, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Suhartono Arifin. (2011). "Studi Pembuatan Roti Dengan Substitusi Tepung Pisang Kepok (Musa Paradisiaca Formatypica)". Latihan Ilmiah, Universitas Hasanuddin, Makassar
- "Cheese". (n.d). Dicapai pada 26 Ogos 2016, dari laman sesawang <http://www.cheese.com/>.

³² Riza Rizqiyah, *Pengaruh Variasi Waktu Pemeraman Terhadap kadar Etanol Jus Buah Kurma (Analisis Hadis Nabi Secara Saintifik)*, (Latihan Ilmiah, Fakultas Sains dan Teknologi, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2007), 66-67.